



NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 49

9hb November 2006

No. 23

---

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

**No. 56.**

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mhd. Noor bin L. Daud, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 16 Januari 2007 pada 10.00 pagi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM150,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada \*pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM491,972.23. Nama pemegang gadaian—Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM15,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Belas Ribu Sahaja);
- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana amaun harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
  - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
  - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena bayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada Satu Ratus Dua Puluh Hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 15 Mei 2007 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang dinyatakan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Wang Bintong. No. Lot/Petak/P.T.—PT 2043. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 1536. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. No. 35/2006 (Satu Hakmilik Sahaja).

Bertarikh 5 Oktober 2006  
[PTG.(Ps.) (R) 1/80F 1544(11)]

MHD. NOOR BIN L. DAUD  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*Perlis*

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

9hb Nov. 2006]

149

No. 57.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Mohd Hadzri bin Ramli yang beralamat di No. 4, Taman 20, Dato' Kayaman, Chuping, Perlis, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah dan Galian, Perlis pada hari Khamis 23 November 2006 jam 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Chuping. No. Lot/Petak/P.T—Lot 2832. Jenis dan No. Hakmilik—GM 2319. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Per. No. 600/1997 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 9 Oktober 2006  
[PTG.(Ps.)(R) 1/80F 1562(8)]

MASLINA BINTI CHE LIN @ HALIM  
*Penolong Pentadbir Tanah  
Perlis*

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR STAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA